

30 MAY 1998

BN PERLIS BERSEDIA HADAPI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN ARAU

KANGAR, 30 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perlis bersedia untuk menghadapi pilihan raya kecil parlimen Arau berikutan kematian anggota parlimen kawasan berkenaan Kamarudin Ahmad Isnin lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, BN juga bersedia untuk menangkis sebarang isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang.

"BN Perlis bersiap sedia pada bila-bila masa untuk mematahkan fitnah dan isu yang dibawa pembangkang," katanya kepada pemberita semasa diminta mengulas persediaan BN menghadapi pilihan raya kecil itu.

Shahidan yang juga Pengerusi BN Perlis berkata, keputusan bagi mengadakan pilihan raya kecil kawawan itu terletak pada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

Shahidan berkata, beliau belum bertemu Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Speaker Dewan Rakyat berhubung kekosongan kerusi parlimen kawasan itu.

-- BERNAMA

AD FAZ